

# CLOXACILLA CAPSULE/POWDER FOR SYRUP

Cloxacillin (250mg, 125mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Cloxacilla
2. Bagaimana Cloxacilla berfungsi
3. Sebelum mengambil Cloxacilla
4. Cara menggunakan Cloxacilla
5. Semasa menggunakan Cloxacilla
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Cloxacilla
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Cloxacilla

Cloxacilla adalah dari satu kumpulan antibiotik yang dipanggil penisilin. Ia mengandungi bahan aktif, Cloxacillin. Ia digunakan untuk merawat jangkitan Staphylococci yang mempunyai daya tahan yang tinggi terhadap benzil-penisilin. Ia juga digunakan untuk jangkitan kulit yang mempunyai daya ketahanan yang tinggi terhadap penicillin seperti jangkitan *Streptococcal* dan *Staphylococcal*.

## Bagaimana Cloxacilla berfungsi

Cloxacilla bertindak dengan menghalang proses sintesis dinding sel bakteria dan seterusnya membunuh bakteria tersebut.

## Sebelum mengambil Cloxacilla

### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Cloxacilla jika:

- anda alah kepada cloxacillin atau mana-mana antibiotik penisilin lain. Tindakbalas terhadap alahan boleh menyebabkan ruam kulit dan sesak nafas.

### -Sebelum mangambil Cloxacilla

Beritahu doktor anda sebelum mengambil Cloxacilla jika anda mengalami keadaan-keadaan yang berikut:

- masalah buah pinggang
- masalah hati: Doktor anda perlu memantau fungsi hati anda
- penyakit darah

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Sesetengah ubat dan Cloxacilla boleh bertindak balas satu sama lain. Ini termasuklah probenecid, kontraseptif, estrogen, tetracycline dan ejen antimikrobial lain termasuk erythromycin.

Beritahu doktor sebelum mengambil Cloxacilla, jika anda sedang mengambil mana-mana ubat yang lain jika anda menggunakan sebarang ubatan lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Ini kerana pengambilan Cloxacilla boleh menjejaskan cara ubat lain berfungsi dan sebaliknya.

## Cara menggunakan Cloxacilla

### -Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa mengambil Cloxacilla seperti yang disarankan oleh doktor anda. Berjumpalah dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

Ubat kapsul haruslah ditelan.

### **Cloxacilla Capsule 250mg**

Bagi orang dewasa, 1biji kapsul setiap 6 jam.

### **Cloxacilla Powder for Syrup 125mg/5ml**

Dos bagi kanak-kanak sehingga umur 2 tahun, 62.5-125mg pada setiap 6 jam.

Dos bagi kanak-kanak antara umur 2-10 tahun, 125-250mg pada setiap 6 jam.

Arahan untuk menyediakan Cloxacilla Suspension:

Masukkan air dan goncang sehingga larut. Perlahan-lahan masukkan air sehingga tanda pada botol dan goncang sehingga larut.

Anda perlu memberitahu doktor jika anda mempunyai masalah buah pinggang atau hati, doktor anda mungkin perlu mengubah dos daripada biasa.

### -Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi. Anda perlu mengambil Cloxacilla sekurang-kurangnya 30 minit sebelum makan.

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Cloxacilla untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa mengambil ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Gejala dos berlebihan:

- Kesan lanjutan daripada tindak balas buruk seperti ruam kulit, loya dan muntah.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan.

Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Cloxacilla

### -Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Cloxacilla.

Beritahu doktor dengan segera jika anda telah hamil semasa menggunakan ubat ini.

Beritahu doktor dengan segera jika anda mempunyai apa-apa alahan apabila mengambil Cloxacilla.

Jika anda mengalami cirit-birit atau kerap membuang air besar semasa atau selepas rawatan, beritahu doktor anda dengan segera.

Jangan ambil sebarang ubat untuk merawat cirit-birit anda tanpa mendapatkan nasihat daripada doktor anda terlebih dahulu. Jika cirit-birit anda berterusan, beritahu doktor anda.

Teruskan penggunaan ubat untuk tempoh yang ditetapkan walaupun anda telah berasa sembuh. Jika jangkitan anda menjadi lebih teruk atau anda tidak sembuh dalam masa beberapa hari atau beberapa jangkitan baru berlaku, berjumpa dengan doktor anda.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jika anda berhenti mengambil Cloxacilla, jangkitan tersebut mungkin akan berulang. Ambil Cloxacilla sehingga habis untuk tempoh masa rawatan, walaupun anda mula berasa sembuh.

Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi.

Jangan berkongsi Cloxacilla dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama seperti anda.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

#### ***Hamil dan menyusukan bayi***

Jika anda hamil, cuba untuk hamil atau sedang menyusukan bayi anda tidak disarankan mengambil Cloxacilla tanpa berbincang dengan doktor anda terlebih dahulu.

#### **Kesan-kesan sampingan**

Kesan gastrousus seperti cirit-birit, dan muntah-muntah adalah kesan-kesan sampingan yang paling biasa apabila mengambil Cloxacilla.

Reaksi alahan boleh menyebabkan ruam atau gatal, membengkak di muka, lidah atau tekak, kesukaran untuk bernafas dan kejutan. Bagi yang mempunyai antibodi yang kuat terhadap reaksi alahan selalunya akan demam, lemah dan keletihan, ruam kulit dan kesakitan pada otot, sendi dan abdomen.

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi lebih serius, atau jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public Reporting Side Effects to medicines (ConSERF)/ Vaccine (AEFI)).

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan Cloxacilla Capsule 250mg**

##### -Penyimpanan

Jauhkan ubat daripada kanak-kanak.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh tamat tempoh seperti yang dicetak pada pek pembungkusan.

Simpan dibawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya. Simpan bekas dengan ditutup rapat.

##### -Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi

rumah. Rujuk kepada ahli farmasi mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan Cloxacilla Powder for Syrup 125mg/5ml**

##### -Penyimpanan

Jauhkan ubat daripada kanak-kanak.

Simpan dibawah suhu 25°C.

Lindungi daripada cahaya. Simpan bekas dengan ditutup rapat. Serbuk sirap kering tidak perlu disejukkan sehingga dibancuh. Selepas dibancuh, simpan di dalam peti sejuk dan gunakan dalam tempoh 7 hari

##### -Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Rujuk kepada ahli farmasi mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat lanjut**

##### -Rupa dan warna produk

#### **Cloxacilla Capsule 250mg**

Serbuk putih atau sedikit kekuningan diisi ke dalam kapsul berwarna (Merah / Putih Kuning) Kapsul bersaiz 2

#### **Cloxacilla Powder for Syrup 125mg/5ml**

Serbuk halus berwarna oren pucat. Selepas dibancuh menjadi cecair sirap berwarna oren dengan bau buah oren dan nenas.

##### -Bahan-bahan kandungan

#### **Cloxacilla Capsule 250mg**

-Bahan aktif:

Setiap kapsul mengandungi Cloxacillin Sodium bersamaan dengan Cloxacillin 250mg.

-Bahan tidak aktif:

Lactose, Talc, Magnesium stearate

**Cloxacilla Powder for Syrup  
125mg/5ml**

-Bahan aktif:

Setiap 5 ml bancuhan mengandungi  
*Cloxacillin Sodium* bersamaan dengan  
Cloxacillin 125mg.

-Bahan tidak aktif:

*Isopropyl Alcohol, Orange Flavour,  
Disodium Hydrogen Phosphate,  
Dihydrate, Polyvinylpyrrolidone,  
Aspartame, Refined Sugar,  
Dimethicone, Pineapple Flavour,  
Sodium Dihydrogen Phosphate dan  
Sunset Yellow*

-Nombor MAL

**Cloxacilla Capsule 250mg:**

MAL 19890418AZ

**Cloxacilla Powder 125mg/5ml:**

MAL 06111328AZ

**Pengilang**

Idaman Pharma Manufacturing Sdn.  
Bhd (661901-P),  
Lot 120, Taman Farmaseutikal, 32610  
Bandar Seri Iskandar, Perak,  
Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Idaman Pharma Manufacturing Sdn.  
Bhd (661901-P),  
Lot 120, Taman Farmaseutikal, 32610  
Bandar Seri Iskandar, Perak,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

20/08/2018

**Nombor Siri**

NPRA(R4/1)230718/00216